



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بَوَيْتِ بَرَسِيَّتِي اِسْلَامًا اَنْبَارًا يَجْتَمِعُ مِلَّةً مِلَّةً

PERANAN PEGAWAI TADBIR AGAMA ISLAM DALAM PENTADBIRAN
TANAH WAKAF (SATU KAJIAN KHUSUS KAWASAN SABAK BERNAM)

OLEH:

HADRI BIN IDRIS

LATIHAN INI ADALAH SEBAGAI SYARAT UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

KULIAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA
SESI 1993 / 1994

Penulis memuatkan bab pertama menyentuh perkara yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan secara Islam dan diikuti dengan kedudukan Pegawai Tadbir Agama Islam dalam perlantikan meliputi bidang kuasa dan peranan dalam pentadbiran tanah wakaf.

Bab kedua penulis memuatkan cara-cara proses permohonan wakaf dan proses pendaftaran tanah-tanah wakaf kepada hak milik nama Majlis Agama Islam Selangor.

Dalam bab ketiga juga penulis menerangkan beberapa peruntukan undang-undang berkaitan dengan wakaf yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan dan dalam Enakmen Pentadbiran Islam Selangor termasuk dua kes tanah wakaf yang dibicarakan di Mahkamah Sivil.

Dalam bab keempat penulis menerangkan kedudukan tanah-tanah wakaf di kawasan Sabak Bernam yang dimiliki oleh 18 buah masjid termasuk tanah-tanah wakaf yang belum dan yang telah didaftarkan hak milik nama kepada Majlis Agama Islam Selangor.

Dalam bab kelima iaitu bab yang terakhir penulis membuat rumusan hasil kajian yang dilakukan dan seterusnya memberikan beberapa saranan / cadangan kepada pihak yang terlibat dengan proses pengurusan dan pentadbiran tanah-tanah wakaf.

Di dalam kesempatan ini, penulis mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT. kerana dengan izinnya penulis dapat menyiapkan kertas projek ini. Penulis juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Ustaz Yaakob bin Ismail yang bertanggungjawab menyelia kertas projek ini dengan memberikan panduan dan bimbingan yang berguna kepada penulis dalam usaha menyiapkan kertas projek ini.

Tidak dilupakan juga diucapkan terima kasih kepada kakitangan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan kakitangan Pejabat Agama Islam Daerah sabak Bernam yang telah membantu penulis mencari bahan-bahan dan memberikan maklumat yang tidak ternilai kepada penulis.

Akhirnya terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan kertas projek ini. Semoga budi baik yang telah diberikan diberkati oleh Allah SWT.

Sekian, Terima kasih.

Hadri bin Idris

JKR (P) 1892, Pejabat Agama Islam,

Jalan Othman, 46000 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan.

Kandungan	Muka Surat
Sinopsis	I
Penghargaan	II
Kandungan	III & IV & V
Muqaddimah	VI & VII & VIII
BAB PERTAMA: PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN	1
1.1 : Pengertian Pentadbiran dan Pengurusan dalam Islam	1
1.2 : Asas-asas sistem pentadbiran dan pengurusan dalam Islam	5
1.3 : Unsur-unsur utama dalam sistem pengurusan dan Pentadbiran Islam.	9
1.3.1 : Konsep dan dasar pentadbiran yang baik.	9
1.3.2 : Pemimpin dan pentadbir yang berkemampuan.	13
1.2.3 : Petugas-petugas yang cekap dan terlatih.	17
1.2.4 : Infrastruktur Pentadbiran yang kemas.	19
1.4 : Kedudukan Pegawai Tadbir Agama Islam.	20
1.5 : Bidang kuasa Pegawai Tadbir Agama Islam.	20
1.6 : Peranan Pegawai tadbir Agama Islam dalam pentadbiran tanah wakaf	21
1.7 : Nota rujukan.	22 & 23

BAB KEDUA : PERANAN PEGAWAI TADBIR AGAMA ISLAM DALAM PROSES WAKAF DAN PENDAFTARAN.	24
2.1 : Proses wakaf.	24
2.2 : Cara-cara memproses wakaf.	25
2.3 : Pendaftaran tanah wakaf.	27
2.4 : Pemulihan tanah wakaf secara berwawasan.	29
Nota rujukan.	31
BAB KETIGA : KEDUDUKAN WAKAF DALAM PERLEMBAGAAN	32
3.1 : Kedudukan wakaf dalam Perlembagaan Malaysia.	32
3.2 : Kes-kes wakaf di mahkamah.	33
3.2.1 : Kes Hal Ehwal Agama Islam Terengganu lawan Tengku Mariam.	34
3.2.2 : Kes wakaf, Hj. Embong bin Ibrahim dan lain-lain lawan Tengku Nik Maimunah binti Almarhum Sultan zainal Abidin dan Anor.	37
3.3 : Wakaf mengikut Enakmen Pentadbiran Islam Selangor.	41
Nota rujukan.	42 & 43
BAB KEEMPAT : KEDUDUKAN TANAH WAKAF DI SABAK BERNAM	44
4.1 : Tanah wakaf kawasan Sabak Bernam.	44
4.1.1 : Masjid Batu Dua, Sepintas.	44
4.1.2 : Masjid Sungai Tengar.	45
4.1.3 : Masjid Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar.	45
4.1.4 : Masjid Kampung Tebuk Berihun.	46
4.1.5 : Masjid Kampung Sungai Apong.	46
4.1.6 : Masjid Kampung Tanjung Jawa.	47
4.1.7 : Masjid Kampung Teluk Ru.	47

4.1.8 : Masjid jami' Pekan sabak Bernam.	47
4.1.9 : Masjid Kampung Tebuk Jawa.	48
4.1.10: Masjid Batu 36, Sekendi.	48
4.1.11: Masjid Batu 37 Darat.	49
4.1.12: Masjid Batu 38.	49
4.1.13: Masjid Kampung Banting.	49
4.1.14: Masjid Kampung Tebuk Mufrad.	50
4.1.15: Masjid Kampung Baru.	50
4.1.16: Masjid Parit Baru.	51
4.1.17: Masjid Kampung Tebuk Sultan, Sungai Tengar.	51
4.1.18: Masjid Kampung Sungai Air Tawar.	51
Nota rujukan.	57 & 58 & 59 & 60
BAB KELIMA : SARANAN / CADANGAN	61
Penutup.	63

MUQADDIMAH

Dalam usaha memelihara tanah-tanah wakaf dapat dikekalkan dan menfaatkannya dapat dinikmati berterusan, Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah telah diberi tanggungjawab bagi mengurus dan mentadbir tanah-tanah wakaf tersebut.

Peranan yang dipertanggungjawabkan ke atas Pegawai Tadbir Agama sebagai penyelia ke atas tanah wakaf adalah merupakan satu satunya peranan yang bukan sahaja melibatkan dalam pengurusan dan pentadbiran sebaliknya menjadikan ibadah wakaf itu dapat dinikmati oleh pewakaf itu sendiri.

Rasulullah SAW. telah menerangkan dengan sabdanya yang bermaksud:

"Apabila manusia meninggal dunia maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, atau ilmu yang dapat dimenfaatkannya dengan ilmu tersebut atau anak yang saleh yang mendoakannya. Yang dimaksudkan dengan sedekah jariah adalah wakaf". Hadis diriwayatkan oleh jamaah kecuali Bukhari dan Ibnu Majah.

Pegawai Tadbir Agama Islam adalah juga merupakan wakil bagi pihak Majlis dalam usaha menggerak ke arah mempertingkatkan minda masyarakat Islam dalam menjadikan ibadah wakaf satu amalan yang perlu dihayati.

i. TUJUAN KAJIAN.

Kajian ini adalah untuk keperluan akademik yang telah ditetapkan oleh pihak Fakulti Undang-Undang. Selain dari itu, kajian ini juga dibuat untuk meninjau sejauh mana amalan pengurusan wakaf oleh masyarakat Islam di kawasan Sabak Bernam khususnya. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti jumlah banyaknya tanah tanah wakaf termasuk yang telah didaftarkan hak milik nama kepada Majlis dan yang belum didaftarkan.

ii. BIDANG KAJIAN.

Bidang kajian penulisan ini menyentuh konsep pentadbiran dan proses pendaftaran tanah wakaf di Sabak Bernam. Kajian ini difokaskan kepada Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah. Di dalam menyentuh peranan dalam pentadbiran tanah wakaf ini, penulis memberikan beberapa saranan bagi mengatasi permasalahan yang timbul.

iii. METHODOLOGI KAJIAN.

Di dalam mengumpul dan menganalisa data-data kajian ini, penulis menggunakan kajian Method Dokumentasi, method ini digunakan bagi memperolehi bahan-bahan kajian yang banyak berbentuk dokumen dari Jabatan Agama Islam Selangor khususnya di Bahagian Masjid Dan Kemasyarakatan dan dokumen dari Pejabat Agama Islam Daerah Sabak

Bernam. Dokumen yang diperolehi adalah dalam pendaftaran tanah wakaf dan minit-minit mesyuarat agong tahunan masjid-masjid. Dokumen dokumen dan data yang diperolehi digunakan bagi membolehkan penulis membuat kesimpulan yang bertepatan dengan kajian ini.

iv. MASALAH KAJIAN.

Di dalam membuat kajian penulis menghadapi beberapa masalah yang mengganggu kelancaran kajian yang dilakukan. Di antaranya penulis menghadapi masalah untuk memperolehi maklumat yang tepat terutamanya yang bersangkutan dengan kajian ke atas tanah-tanah wakaf yang belum didaftarkan. Bagi memperolehi data yang tepat penulis terpaksa menemui nazir-nazir masjid atau setiausaha bagi mendapatkan data yang bertepatan. Dokumen-dokumen yang diperolehi di Jabatan didapati berada di dalam keadaan tidak tersusun kemas dan bersistem, sebahagian terdapat di Bahagian Masjid Dan Kemasyarakatan dan sebahagiannya di Bahagian Baitulmal, ini menyukarkan penulis untuk menentukan dokumen-dokumen yang diperlukan.

BAB PERTAMA : PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

MUKADDIMAH

Sebelum Penulis membincangkan tentang pentadbiran dan pengurusan tanah wakaf di kawasan Sabak Bernam khasnya dan di Negeri Selangor umumnya adalah lebih baik kita melihat terlebih dahulu tentang pentadbiran dan pengurusan menurut prespektif pandangan Islam.

1.1 PENGERTIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN DALAM ISLAM

Umumnya pentadbiran dan pengurusan adalah berkaitan dengan pengelolaan dan peraturan kegiatan manusia menurut sumber-sumber di sekitarnya sebagaimana yang diperuntukan oleh Allah SWT., ia didasarkan kepada nilai-nilai dan perkiraan perkiraan yang berunsur rabbani dan perlaksanaannya adalah bersifat ibadah.¹

Pentadbiran dan pengurusan adalah sinonim. Dalam beberapa konteks yang umum, pentadbiran digunakan bagi menjelaskan aktiviti pengarahan operasi tugas dalam kerangka polisi yang ditetapkan oleh pihak pengurusan di atas.²

Pada umumnya istilah pentadbiran merujuk kepada pelaksanaan rutin harian terhadap polisi-polisi yang ditetapkan oleh pihak yang membuat polisi. Pengurusan pula biasanya melibatkan proses pembuatan keputusan dan sekaligus terlibat dalam melaksanakan fungsi-fungsi pentadbiran.³

Dalam Islam adalah melibatkan pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan, fungsi-fungsi perancangan, penyusunan, pengawalan dalam menggunakan tenaga manusia dan sumber-sumber bahan melalui satu susunan organisasi dan sistem.

Pengurusan ditaarifkan sebagai satu proses bersepadu di mana individu-individu yang diberi sesuatu autoriti dapat membentuk, mengekal dan menjalankan sesebuah organisasi bagi mencapai tujuan-tujuan yang ditetapkannya.

Sehubungan itu taarif-taarif yang lain: -

- I. Pengurusan ialah melaksanakan sesuatu tugas melalui tenaga dan usaha orang lain.
- II. Pengurusan ialah sebahagian seni dan sebahagiannya adalah sains.
- III. Pengurusan ialah suatu disiplin akademik dan profesional.
- IV. Pengurusan ialah nama kolektif yang digunakan untuk menggambarkan keseluruhan kumpulan bagi organisasi pengurusan.
- V. Pengurusan ialah satu pelaksanaan fungsi-fungsi kritikal bagi menjayakan sesebuah organisasi.

Dalam Kamus Dewan pula mentaarifkan pentadbiran adalah merupakan satu perbuatan mentadbir, pengelolaan pengurusan

pemerintahan dan pengurusan pula ditaarifkan sebagai⁶ perihal (kerja dan sebagainya) mengurus sesuatu.

Pentadbiran dan pengurusan melibatkan kedua-dua ciri perancangan dan kepimpinan dalam mempengaruhi dan menggerakkan orang lain menurut strategi tertentu ke arah pencapaian sesuatu matlamat.⁷

Perancangan adalah proses yang melibatkan keputusan yang saling bertindak dan bertindih di antara satu sama lain menuju kepada pembangunan satu strategi yang berkesan bagi sesebuah organisasi, proses ini melibatkan:-⁸

- I. Menentukan tugas organisasi.
- II. Memilih sasaran atau objektif yang dikehendaki oleh organisasi.
- III. Merumuskan andaian-andaian terhadap perubahan - perubahan yang mungkin berlaku di luar organisasi.
- IV. Mengenal pasti peluang-peluang dan ancaman - ancaman yang muncul di luar organisasi.
- V. Menilai kekuatan dan kelemahan di dalam organisasi.
- VI. Memilih alternatif-alternatif yang diinginkan oleh organisasi.
- VII. Mengenal pasti alternatif-alternatif strategik yang mungkin boleh didapati oleh organisasi.
- VIII. Mengembangkan perancangan bagi memudahkan pencapaian objektif organisasi.
- IX. Membentuk satu sistem maklum balas bagi mengawasi oprestasi organisasi semasa sesuatu rancangan sedang dijalankan.⁹

Manakala sarjana - sarjana barat mereka melihat fungsi
10
perancangan daripada beberapa dimensi antaranya:-

- I. Perancangan ialah satu falsafah, gaya berfikir yang selalu melihat ke hadapan dan prihatin terhadap masa depan sehingga membawa kesan kepada tindakan hari ini. Perancangan adalah mementingkan fikiran yang peka terhadap keperluan keteraturan idea dan kerja serta meletakkan nilai yang tinggi terhadap arah yang dituju. Seseorang perancang mungkin berbelah bagi antara optimisma dan pessimisma tetapi ia tidak boleh terkeluar daripada realiti.
- II. Perancangan ialah satu integrasi, kedua-dua perancangan jangka pendek dan jangka panjang mewujudkan satu struktur yang menyatakan segala tindakan dan aktiviti organisasi sehingga dapat memenuhi seluruh tujuan unit-unit organisasi yang terlibat.
- III. Perancangan ialah satu proses sasaran dan objektif adalah natijah yang paling ketara terhasil daripada proses perancangan sesuatu objektif yang longgar tidak mungkin meminda organisasi perancangan yang berjaya terdiri daripada satu strategi yang mengenalpasti beberapa banyak tenaga dan sumber yang diperlukan bagi mencapai objektif, rangkaian tindakan yang dapat memenuhi strategi tersebut dan tugas-tugas yang dapat memandu ke arah penyempurnaan tindakan tadi.

IV. Perancangan ialah sekumpulan prosedur. Prosedur yang terhad memadai bagi perancangan yang mudah dan prosedur yang lebih terperinci diperlukan bagi perancangan yang lebih kompleks, mengenal mana satu prosedur yang hendak dilaksanakan adalah seni dalam perancangan.

Umumnya tujuan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam ialah untuk mewujudkan perkhidmatan yang cekap dan sempurna, keadilan sosial, jaminan keselamatan, kesetabilan serta keamanan dan kemakmuran masyarakat.

1.2. ASAS-ASAS SISTEM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN .

Sistem pentadbiran Islam adalah salah satu bahagian yang bercantum erat yang terbina di atasnya Islam itu sendiri sebagai satu cara hidup yang kuat dan kukuh. Oleh itu apa yang menjadi asas kepada Islam mestilah juga menjadi asas kepada bahagian-bahagian yang lain. Islam tidak menerima sebarang pemecahan dan pemisahan. Penghayatan Islam terhadap mana-mana daripada asasnya hidup dan dimanipastasikan dalam mana-mana sahaja bahagiannya. Ini kerana setiap bahagian Islam itu sendiri semuanya berjalan ke arah tujuan dan matlamat yang sama, iaitu untuk membawa manusia mengabdikan diri secara total kepada Allah. Oleh kerana itu asas sistem pentadbiran Islam terdiri dari - pada:-

I. Taqwa.

Asas kepada taqwa ialah mengerjakan perintah dan meninggalkan larangan, di dalam Al Qur'an Allah telah menjelaskan.

Maksudnya: "Tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan taqwa dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan."¹⁴

Orang-orang yang bertaqwa ialah orang-orang yang hidup dalam keadaan sentiasa berwaspada agar tidak terjerumus dalam melakukan dosa, tidak mensia-siakan hak orang lain, tidak mengabaikan tanggungjawabnya dan niatnya sentiasa diikhlasakan kepada Allah semata-mata. Taqwa sebagai asas utama seseorang akan sentiasa membimbingnya ke jalan maaruf dan menjauhkannya daripada mungkar dalam segala bidang kehidupan. Taqwa sebagai asas pentadbiran yang menganjurkan segala kegiatan manusia, akan mewujudkan suasana maaruf yang meluas dan menyeluruh.

II. Amanah

Amanah bertitik tolak daripada taqwa dan berdasarkan kepada kemurniaan aqidah yang teguh. Mengurus dan mentadbir perjalanan alam ini adalah satu amanah terbesar yang diberikan oleh Allah kepada manusia. Amanah berarti tidak mensia-siakan perintah-perintah Allah yang terkandung di

dalam Al - Qur'an dan yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W., mensia-siakan amanah berarti mengkhianati perintah Allah dan Rasulnya sedangkan asas pertama kepada amanah ialah memberikan hak pentadbiran Al - Din dan kehidupan manusia yang berpandukan dengan Al - Din itu kepada orang yang ahlinya.

III. Cekap dan Berkesan.

Kecekapan melaksanakan tugas dan tanggungjawab adalah satu daripada ciri-ciri yang semestinya ada pada mu'min. Di dalam Al - Qur'an Allah bukan sahaja memerintahkan para mu'min melakukan sesuatu perkara tetapi cara perlaksanaan yang paling berkesan bagi perkara tersebut juga dijelaskan oleh Allah:

Maksudnya: "Tiada sepatutnya bagi orang-orang yang mu'min itu pergi semuanya (ke medan peperangan) mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalamkan pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya supaya mereka itu dapat menjaga dirinya".¹⁵

Ayat di atas jelas kepada kita bahawa Allah bukan sahaja memerintahkan kaum muslimin untuk menuntut ilmu tetapi Allah menyatakan cara yang paling berkesan bagi mempelajari ilmu yang paling besar manfaatnya kepada umat Islam.

Di dalam ayat yang lain Allah menjelaskan:
Maksudnya: "Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap bersedia untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedangkan Allah mengetahuinya dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dizalimi".
16

Dalam ayat di atas Allah juga bukan sahaja setakat memerintahkan kaum muslimin bersedia untuk peperangan, tetapi Allah menjelaskan kaedah penting dalam konsep persediaan yang berkesan.

IV. Sesuai menurut peredaran zaman.

Pentadbiran adalah satu teknik dan seni yang banyak berkaitan dengan faktor peredaran masa dan perkembangan cara hidup manusia. Asas utama dalam pentadbiran, sebagaimana yang digariskan oleh roh syariat Islam sendiri ialah memenuhi kemaslahatan manusia dalam kehidupan di dunia ini sama ada sebagai individu,

keluarga masyarakat atau negara , samada ada di peringkat
17
tempatn ataupun antarabangsa.

Oleh kerana itu , tidak ada satu cara atau teknik pentadbiran yang sesuai untuk semua masa. Satu teknik pentadbiran yang berkesan pada hari, masa dan tempat dan keadaan mungkin tidak lagi sesuai bagi masa, tempat dan keadaan yang lain. Tambahan pula pentadbiran adalah satu proses dinamik yang melibatkan individu-individu yang mempunyai pelbagai ragam daripada segi kualiti keimanan, keupayaan akal dan pendedahan budaya. Di samping itu, pentadbiran juga melibatkan kepelbagaian struktur yang diperlukan bagi mendefiniskan hubungan di antara individu-individu tersebut. Ini termasuk perkembangan ilmu yang berkaitan dengan teknik dan teknologi yang memberikan kemudahan bagi manusia memenuhi
18
keperluan tabi'i mereka.

1.3. UNSUR-UNSUR UTAMA DALAM SISTEM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN ISLAM .

1.3.1: Konsep dan dasar pentadbiran yang baik.

Konsep pentadbiran yang didasarkan oleh Rasulullah SAW. adalah jalinan erat di antara unsur-unsur ketaqwaan para sahabat terhadap Allah dan rasa tanggungjawab mereka kepada Islam serta ketaatan mereka kepada Rasulullah SAW. keterbukaan Rasulullah SAW. untuk melakukan musyawarah atau perundingan

dengan para sahabat dalam banyak urusan dan rasa keterlibatan dan keterdorongannya seluruhnya dalam mengukung tugas-tugas pentadbiran dan pembangunan negara.¹⁹

Konsep dan dasar pentadbiran yang baik dan jelas daripada segi teori dan kaedah-kaedahnya adalah salah satu unsur utama dalam sistem pentadbiran Islam. Konsep pentadbiran yang baik ini bertitik tolak daripada pengasasan yang kukuh terhadap teori-teori organisasi dan pertumbuhannya, teori-teori kepimpinan pentadbiran, kaedah-kaedah perancangan yang bersifat teknikal dan strategi, kaedah-kaedah ramalan dan unjuran masa depan, teori-teori pengurusan personal, tujuhnya, inovasi dan asas-asas pengambilan keputusan.²⁰

Di samping itu Abu 'Urwah mengemukakan beberapa prinsip pentadbiran di antaranya:-

- I. Autoriti hendaklah sepadan dengan tanggungjawab yang diberikan, ini bererti sekiranya seseorang itu ditanggungjawabkan dengan pencapaian sesuatu tugas maka ia mesti diberi autoriti yang secukupnya untuk memastikan pencapaian objektif tugas tersebut.
- II. Mesti wujud keselarasan, ini berarti orang-orang bawahan mesti menerima arahan daripada seorang pengurus atasan sahaja.

- III. Mesti wujud keselarasan tujuhala, bagi pencapaian satu objektif yang sama, di sana mesti wujud hanya satu pemimpin dan satu perancangan sahaja.
- IV. Kegiatan-kegiatan yang berbagai-bagai mestilah diharmonikan dalam semua tenaga hendaklah diselaraskan.
- V. Perlu ada pembahagian tugas atau pengkhususan.
- VI. Disiplin yang tinggi dikekalkan dengan wujudnya pengurus pengurus yang baik di setiap peringkat kerja, persetujuan di kalangan anggota organisasi dan mengenakan denda yang sah menurut peraturan organisasi.
- VII. Kepentingan awam mesti didahulukan daripada kepentingan peribadi.
- VIII. Ganjaran yang menggalakkan hendaklah diwujudkan bagi pekerja-pekerja.
- IX. Pemusatan yang berkadar, ini kerana permasalahan atau pengagihan kuasa pusat ke bahagian lain di dalam organisasi adalah masalah pembahagian menurut kadar yang diperlukan.
- X. Teratur, ini berarti satu tempat bagi sesuatu perkara di tempatnya, satu kedudukan bagi setiap orang dan setiap orang ditempatnya.

Konsep dan teori-teori ini mestilah sesuai dengan roh syariat Islam di samping bertepatan dengan tujuan Islam dalam mewujudkan kemaslahatan yang luas kepada masyarakat seluruhnya.

Konsep dan dasar pentadbiran ini juga mesti mengambil kira faktor-faktor berikut:

I. Objektif jangka pendek dan jangka panjang.

Objektif khusus dan sasaran jangka pendek dan jangka panjang yang hendak dicapai dalam rangka matlamat keseluruhan pentadbiran dengan menentukan standard dan dan tempoh pencapaian yang ditetapkan, peluang-peluang bagi mencapainya, perkara-perkara yang tidak tetap yang boleh menghalang pencapaian objektif dan alternatif-alternatif yang ada bagi keadaan-keadaan yang di luar jangka.

II. Dasar kepimpinan.

Sifat-sifat utama dan khusus kepimpinannya, gaya kepimpinan, penetapan bidang tugas dan bidang kuasa pentadbir, personaliti pemimpin itu sendiri, kesesuaian gabungan pentadbir pembantu, pentadbir tenaga pakar, pentadbir petugas, pentadbir persekitaran kerja, petugas persekitaran kerja dan sebagainya.

III. Kelayakan, kemampuan petugas.

Kelayakan, kemampuan, kemahiran dan potensi yang boleh

dikembangkan dikalangan petugas-petugas melalui latihan, pendedahan dan pengalaman serta mengambil kira batas kemampuan petugas-petugas.

IV. Struktur pentadbiran.

Struktur yang diperlukan bagi pentadbiran yang cekap, berkesan dan terbuka kepada segala kemajuan pentadbiran daripada segi konsep, teknik dan teknologi, dapat menyesuaikan dengan keperluan pengagihan kuasa pusat kepada badan-badan bawahannya serta bersifat flexible yang tidak mudah menyebabkan kehancuran seluruh sistem pentadbiran apabila berlaku sesuatu perkara di luar dugaan.

V. Persekitaran.

Suasana dan persekitaran luaran daripada segi pembekalan sumber bahan, sama ada manusia atau material kestabilan ekonomi, kesan-kesan sosial yang berkaitan dengan keimanan cara hidup dan sikap umah Islam terhadap peranan mereka sebagai pendukung risalah Islam serta sikap masyarakat seluruhnya terhadap konsep kebajikan dan keadilan.

1.3.2: Pemimpin dan Pentadbir yang berkemampuan.

Pemimpin adalah penggerak dan pendorong utama kepada orang-orang yang dipimpinnya. Petugas-petugas akan menjadi terarah dan terdorong untuk mencapai matlamat kerana

kejelasan pimpinan terhadap arah dan matlamat sesuatu tugas, keperibadian dan akhlak pemimpin yang tinggi, contoh teladan pemimpin yang sentiasa menjadi panduan dan sumber inspirasi dan metodologi serta gaya kerja pemimpin yang berkesan.²³

Dalam Islam, pentadbir dan pemimpin dalam pengertian di atas, adalah dua pihak yang tidak boleh dipisahkan. Seseorang pemimpin mesti tahu mentadbir dan pada diri seorang pentadbir mesti terdapat ciri-ciri kepimpinan yang ditumpukan kepada bidang-bidang yang tertentu menurut sasaran atau objektif khususnya. Kepimpinan dalam pentadbiran merangkumi perkara-perkara berikut:²⁴

I. Unsur-unsur kepimpinan pentadbiran.

Unsur-unsur kepimpinan dalam bidang pentadbiran mestilah mengalir dengan roh utama Islam dalam mengasaskan hubungan di antara manusia pada umumnya, antara senior dengan yang junior, dengan itu dalam sistem pentadbiran Islam, unsur-unsur kepimpinan terdiri daripada ukhuwah, takaful, thiqah dan ta'awun.

II. Gaya kepimpinan

Di samping unsur-unsur dan matlamat pentadbiran yang kukuh dan mantap, kepimpinan dalam pentadbiran Islam juga bergantung kepada cara dan gaya kepimpinan seseorang

individu yang menjadi pemimpin dan pentadbir. Namun demikian amalan Rasulullah SAW. dan para sahabat kita dapat melihat bahawa gaya kepimpinan ini terkandung daripada amalan-amalan berikut:

25

- a. Tidak gemar menyogokkan pendapat melaksanakan idea, bersikap keras terhadap orang yang mempunyai pendapat lain dan mematikan idea-idea orang-orang bawahan.
- b. Memberi peluang seluasnya bagi pertumbuhan dan peningkatan dari petugas dan orang-orang bawahan bagi mewujudkan rasa keterlibatan mereka.
- c. Memupuk rasa keyakinan kepada orang bawahan yang ditugaskan dengan tugas-tugas pentadbiran.
- d. Tidak pilih kasih atau mengutamakan sahabat handai dan kaum kerabat serta tidak mewujudkan sebarang jurang dengan orang-orang bawahan.
- e. Berpatutan dalam berhadapan dengan risiko, keberanian mengambil risiko diperlukan dalam pengurusan bagi mengembangkan idea dan menggalakkan inovasi. Sikap tidak berani langsung mengambil risiko pula akan mematikan kreativiti orang-orang bawahan.